

09/12/2003

PM hadir sidang puncak Asean-Jepun

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengetuai perwakilan Malaysia ke Sidang Kemuncak Kenang-kenangan Asean-Jepun di Tokyo Khamis dan Jumaat ini.

Dalam kenyataan di sini semalam, Wisma Putra berkata Perdana Menteri akan diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta pegawai kanan kerajaan.

Ini adalah kunjungan rasmi pertama Abdullah ke luar negara sebagai Perdana Menteri sejak mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Sidang kemuncak itu yang akan berlangsung di Rumah Tetamu Negara Geihinkan adalah bagi meraikan hubungan selama 30 tahun yang terjalin antara Asean dan Jepun. Ia juga adalah sidang kemuncak pertama yang diadakan antara Asean dan rakan dialognya di luar wilayah Asean.

Pada sidang kemuncak berkenaan yang akan dipengerusikan bersama oleh Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri, pemimpin terbabit akan menilai semula hubungan yang terjalin antara Asean dan Jepun serta bertukar-tukar pendapat mengenai usaha memperkukuhkan hubungan sedia ada.